

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
AHAD, 25 RAMADAN 1447H BERSAMAAN 15 MAC 2026M**

PJL04/01/2026

1

No. Soalan: PL133

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH  
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

**TARIKH** : **15.03.2026 [AHAD]**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauhmanakah kementerian memperkembangkan dan memperluaskan pendekatan *State visit* daripada MOU/kerjasama kerajaan-ke-kerajaan kepada model yang lebih inklusif yang melibatkan sektor swasta agar kerjasama antara *business to business* (perniagaan-ke-perniagaan) dan rakyat-ke-rakyat dapat dimanfaatkan?

**JAWAPAN:**

Penandatanganan Memorandum Persefahaman ataupun MOU oleh Negara Brunei Darussalam merupakan komitmen negara untuk menjalin kerjasama dengan rakan-rakan Negara di dalam bidang-bidang yang saling memfaatkan (*mutually beneficial*). Dalam hal ini, hasil atau *deliverables* bagi setiap Lawatan Negara adalah bergantung kepada pertimbangan strategik daripada kedua belah pihak. Apabila potensi manfaat ekonomi yang nyata dapat dikenal pasti, maka ia memberikan keyakinan kepada kedua belah pihak untuk membuka ruang kepada penglibatan sektor swasta dan rakyat.

Dalam memastikan MOU tersebut akan menghasilkan tindakan nyata, Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengamalkan pendekatan *Whole-of-Government*. Hakikatnya, lanskap ekonomi masa kini melibatkan bidang-bidang kerjasama yang *overlapping*, seperti ekonomi digital, keselamatan makanan dan ekonomi hijau, yang

dipantau dan jatuh di bawah bidang kuasa beberapa kementerian dan agensi kerajaan.

Disinilah pendekatan *Whole-of-Government* sangat kritikal bagi menyuarakan hala tuju bersepadu dan penyelarasan strategik merentas agensi. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama rapat bersama pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri serta perwakilan-perwakilan asing di Negara ini. Sebagai contoh, Kementerian ini, melalui BEDB, telah menyediakan panduan strategik dalam bentuk *Frequently Asked Questions* yang telah dikongsikan bersama pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri bagi memastikan jawapan yang selaras dan tepat diberikan kepada pelabur berpotensi.

Bagi memastikan manfaat ini diraih oleh sektor swasta and rakyat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk terus memperkembangkan model kerjasama melalui Misi-Misi Perdagangan dan *Business-Matching Sessions* seperti *ASEAN-Korea Centre Trade Facilitation Mission* yang telah diadakan pada bulan Februari 2026; *Government of Quebec, Canada Trade Mission* yang telah diadakan pada bulan Disember 2025 dan *Australia Agrifood Business Mission* pada bulan November 2025. Sesi-sesi ini telah berjaya menghubungkan pengusaha-pengusaha dan syarikat-syarikat tempatan bersama pengimport daripada Republik Korea, Kanada dan Australia dalam beberapa sektor keutamaan.

Di samping itu, pihak Kementerian sentiasa mengalu-alukan hubungan erat antara dewan-dewan perniagaan Negara dengan rakan ekonomi luar negara, seperti di antara Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Brunei Darussalam (NCCIBD) dengan Dewan-Dewan Perniagaan di Malaysia, Republik Filipina dan Republik Rakyat China, sama ada melalui penandatanganan MOUs ataupun lawatan-lawatan kerja.

Selain itu, pihak Kementerian juga terus menggalakkan kerjasama berterusan di antara sektor-sektor swasta melalui *British-Brunei Business Forum*, *French Bruneian Business Association* dan *Canada-Brunei Business Council*.

Kesimpulannya, usaha-usaha yang dikongsikan tadi telah berjaya menyumbang kepada penghasilan hubungan *business-to-business* yang bermanfaat dan meningkatkan lagi peluang kerjasama komersial selaras dengan matlamat mempelbagaikan ekonomi negara.

---

No. Soalan: PL027

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

**TARIKH** : **15.03.2026 [AHAD]**

SOALAN:

**YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah ketersediaan Kementerian untuk membina infrastruktur kepercayaan digital negara, khususnya dalam memastikan keselamatan data yang dikumpul, tadbir urus kecerdasan buatan (AI) dan kebertanggungjawaban algoritma?

JAWAPAN:

Pembangunan infrastruktur teras (*flagship projects*)

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai usaha berterusan telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan pembangunan infrastruktur digital yang dipercayai. Melalui Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, penekanan telahpun dilaksanakan dalam membangun infrastruktur teras yang akan memperkukuh serta membuka ruang kepada peluang baharu iaitu dengan pelaksanaan tiga (3) projek utama (*'key flagship projects'*) sepertimana yang pernah dikongsikan.

Antara projek yang baru dilancarkan pada 3 Januari 2026 ialah BruneiID yang merupakan identiti digital tunggal Kerajaan berasaskan prinsip keselamatan, privasi dan kawalan pengguna dan beroperasi dalam persekitaran rangkaian serta infrastruktur Kerajaan yang selamat.

Keselamatan dan privasi merupakan keutamaan dalam pembangunan BruneiID. Pengesahan biometrik seperti cap jari atau pengesanan wajah dilaksanakan di peranti pengguna sendiri (*'on-device authentication'*), dan tidak disimpan atau diproses secara berpusat. Data biometrik tidak dikumpulkan sebagai pangkalan data Kerajaan. Data peribadi pula dilindungi mengikut piawaian keselamatan dan perlindungan data yang sedia ada. BruneiID juga tidak menjejak pergerakan atau aktiviti pengguna. Fungsinya terhad kepada pengesahan identiti digital dan hanya diaktifkan apabila pengguna sendiri memilih untuk mengakses perkhidmatan Kerajaan tertentu.

### Pengukuhan infrastruktur Kerajaan

Dari sudut pengukuhan infrastruktur Kerajaan pula, pelbagai usaha berterusan juga dilaksanakan termasuk pengukuhan rangkaian Kerajaan melalui pelaksanaan 'One Government Network' serta penggunaan pusat data kerajaan dan infrastruktur 'cloud' yang selamat ('One Government Private Cloud') membolehkan penyimpanan dan pemprosesan data dilaksanakan dengan tahap keselamatan, kebolehsediaan dan daya tahan yang lebih tinggi. Ini termasuk pelaksanaan kawalan keselamatan seperti 'data encryption', pengurusan identiti dan akses, pemantauan rangkaian secara berterusan serta mekanisme sandaran dan pemulihan bencana bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan digital Kerajaan.

Selain itu, Kementerian turut menekankan penggunaan platform komunikasi dan kolaborasi rasmi melalui e-mel kerajaan dan intranet portal kerajaan yang telah disediakan adalah juga untuk memastikan ianya melindungi pertukaran maklumat kerajaan daripada risiko kebocoran, manipulasi atau akses tanpa kebenaran. Usaha ini disokong melalui pemantauan keselamatan siber secara berpusat, pengurusan kerentanan serta pelaksanaan langkah pencegahan dan respons insiden yang lebih terselaraskan di seluruh agensi.

### Tadbir Urus Data Kerajaan

Dari perspektif tadbir urus, Kerajaan terus memperkukuh rangka kerja dasar dan piawaian berkaitan pengurusan data iaitu perlindungan data peribadi kerajaan ('Data Protection Policy') bagi memastikan data-data Kerajaan dikendalikan mengikut prinsip keselamatan, integriti, kebolehsahan dan penggunaan yang sah. Ini termasuk penetapan kawalan perkongsian data antara agensi, pengelasan data kerajaan serta penerapan prinsip 'privacy-by-design' dalam pembangunan sistem digital.

Melalui 'Data Sharing Guideline' yang dibangunkan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), garis panduan ini berfungsi sebagai rujukan utama bagi agensi-agensi Kerajaan dalam melaksanakan perkongsian data secara selamat, teratur dan berkesan dan seterusnya menyokong pembangunan infrastruktur 'National Information Hub' (NIH) yang sedia ada.

Pada masa yang sama, EGNC juga memberi perhatian melalui peningkatan kesedaran keselamatan siber, latihan pengendalian data dan pematuhan kepada amalan terbaik keselamatan maklumat melalui pemberitaan yang berterusan kepada warga Jabatan ini serta agensi-agensi kerajaan yang lain.

---

Melalui pendekatan menyeluruh ini, EGNC berusaha memastikan data yang dikumpul sentiasa dilindungi, dipercayai dan dimanfaatkan secara bertanggungjawab bagi menyokong pembuatan dasar dan penyampaian perkhidmatan awam.

### Tadbir Urus Kecerdasan Buatan (AI) dan Kebertanggungjawaban Algoritma

Pertumbuhan pesat teknologi AI memerlukan penyediaan rangka kerja kawal selia yang teratur bagi memastikan isu-isu etika penggunaannya. Kearah itu, MTIC melalui Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) telahpun menubuhkan Kumpulan Kerja Urustadbir dan Etika Kecerdasan Buatan (*'Working Group on AI Governance and Ethics'*) pada bulan Mei 2024.

Kumpulan Kerja ini diketuai oleh pihak AITI dengan keahlian yang terdiri wakil-wakil daripada 24 buah pelbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, sektor swasta dan institut-institut pengajian tinggi.

Melalui Kumpulan Kerja ini untuk menghasilkan satu dokumen Garispanduan Urustadbir dan Etika Kecerdasan Buatan bagi Negara Brunei Darussalam atau *'Guide on Artificial Intelligence Governance and Ethics for Brunei Darussalam'* pada bulan April 2025.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui simposium tahunan bagi Kecerdasan Buatan pada Ogos 2025, Kumpulan Kerja tersebut telah bersidang semula bertujuan untuk menghasilkan Garispanduan Urustadbir dan Etika Kecerdasan Buatan bagi Negara Brunei Darussalam, Versi 2.0 atau *'Draft Guide on Artificial Intelligence Governance and Ethics for Brunei Darussalam, Version 2.0'* yang mana disasarkan untuk diterbitkan pada suku Ke-2 tahun 2026.

---

No. Soalan: PL105

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**

**TARIKH** : **15.03.2026 [AHAD]**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah indikator prestasi utama (KPI) yang digunakan untuk menilai keberkesanan kesiapsiagaan pandemik kesihatan? Adakah latihan simulasi atau audit berkala dilaksanakan bagi menguji tahap kesiapsiagaan tersebut?

**JAWAPAN:**

Kesiapsiagaan pandemik adalah dinilai berdasarkan kerangka yang selaras dengan *International Health Regulations* (IHR 2005). Di peringkat antarabangsa, penilaian dibuat melalui dua mekanisme utama: *Joint External Evaluation* (JEE) dan *State Party Self-Assessment Annual Reporting* (SPAR).

Indikator-indikator utama yang digunakan adalah termasuk:

1. Keupayaan pengawasan dan pengesanan awal ancaman kesihatan awam;
2. Kapasiti makmal dan masa tindak balas diagnostik;
3. Sistem pelaporan dan koordinasi antara agensi;
4. Kesiapsiagaan hospital termasuk kawalan jangkitan dan kapasiti rawatan;
5. Komunikasi risiko kepada orang awam; serta
6. Perancangan logistik dan bekalan strategik.

Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan telah membuat penilaian *Joint External Evaluation* (JEE) bersama pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) yang mana Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan kapasiti yang kukuh dalam beberapa bidang utama termasuk kerangka perundangan kesihatan awam, sistem makmal kebangsaan, liputan imunisasi, mekanisme pelaporan antarabangsa, kesiapsiagaan di pintu masuk negara, serta sistem komunikasi risiko. Penilaian ini juga telah mengenal pasti ruang penambahbaikan, khususnya dalam aspek latihan berstruktur dan pengujian pelan secara berkala.

Sejak itu, usaha pengukuhan telah dilaksanakan melalui *National Action Plan for Health Security*. Kementerian Kesihatan jua melaksanakan latihan simulasi dan penilaian selepas tindakan (*After Action Review*) secara konsisten. Antara latihan yang dijalankan termasuk:

- 
- latihan tahunan IHR Crystal Exercise anjuran WHO,
  - table top exercise berkaitan rabies bersama sektor kesihatan haiwan di bawah pendekatan One Health, serta
  - latihan simulasi serantau berkaitan kecemasan kesihatan awam dan pengurusan bencana.

Pelan kontigensi hospital dan pengaktifan pusat operasi kecemasan juga turut diuji secara berkala bagi memastikan kejelasan peranan, aliran komunikasi dan penyelarasan antara agensi.

Pendekatan Kementerian adalah jelas: kesiapsiagaan bukan sekadar mempunyai dokumen atau pelan, tetapi memastikan pelan tersebut diuji, dinilai dan ditambah baik secara berterusan.

InsyaAllah, melalui penilaian yang selaras dengan piawaian antarabangsa, indikator yang jelas, serta latihan simulasi berkala, tahap kesiapsiagaan negara akan terus diperkukuh bagi menghadapi sebarang ancaman kesihatan awam pada masa hadapan.

---

No. Soalan: PL001 & PL030

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**

**YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

**TARIKH** : **15.03.2026 [AHAD]**

**SOALAN:**

**YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Jabatan Perdana Menteri bagi pemusatan (*centralise*) data-data kebangsaan utama untuk kemudahan rujukan berpusat bagi menyokong penguatkuasaan, penggubalan dasar dan pembuatan keputusan?

**YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan strategi kebangsaan untuk mewujudkan pengintegrasian data yang bersepadu dan standard yang merentasi kementerian, agensi dan sektor swasta, termasuk bagi memastikan penyelarasan dengan Wawasan Brunei 2035 dan pelan hala tuju Negara?

**JAWAPAN:**

Untuk makluman, sebuah **JAWATANKUASA PANDU KOORDINASI DATA KEBANGSAAN (JPKDK)** telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pengumpulan, perkongsian, dan penggunaan data di peringkat kebangsaan, memastikan data yang dihasilkan tepat, konsisten, dan berkualiti bagi mendukung dasar berasaskan bukti dan pemantauan program kerajaan.

Tanggungjawab utama jawatankuasa merangkumi:

- Meningkatkan kerjasama antara agensi kerajaan dalam pengurusan data.
- Mengenal pasti jurang data dan keperluan statistik kebangsaan.
- Mendukung penghasilan indikator untuk pemantauan dasar dan pelaporan.
- Menubuhkan kumpulan kerja untuk sektor kritikal seperti ekonomi, sosial dan digital.

Peranan jawatankuasa bukan sahaja teknikal tetapi juga strategik — memimpin transformasi data negara ke arah sistem statistik yang bersepadu dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Dalam konteks pasaran buruh, usaha JPKDK dapat diperkukuhkan melalui pelaksanaan *Labour Market Information System* (LMIS) di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Perancangan Tenaga Manusia.

LMIS merupakan satu projek rintis yang sedang dibangunkan di bawah inisiatif *Data Analytics as a Service* yang dikendalikan oleh *E-Government National Centre* (EGNC) bagi mengintegrasikan dan menyelaraskan data berkaitan tenaga kerja daripada pelbagai agensi berkaitan. Sistem ini akan menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai pasaran buruh negara, termasuk data mengenai guna tenaga, pencari kerja, peluang pekerjaan, kemahiran tenaga kerja dan keperluan industri.

Maklumat melalui sistem ini akan membantu pihak berkepentingan dalam pembentukan dan penambahbaikan kurikulum pendidikan serta program latihan, agar lebih sejajar dengan keperluan pasaran kerja dan permintaan industri semasa. Dengan adanya data yang lebih komprehensif mengenai trend pekerjaan dan keperluan kemahiran, institusi pendidikan dan latihan akan dapat merancang program pembangunan modal insan yang lebih relevan dan responsif terhadap perkembangan ekonomi.

Secara keseluruhannya, pemusatan data dan pembangunan sistem maklumat pasaran buruh ini akan mendukung perancangan tenaga kerja negara secara lebih strategik, di samping memastikan penyelarasan yang lebih baik antara sistem pendidikan, latihan kemahiran dan keperluan sebenar industri.

Pelaksanaan projek LMIS adalah dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka mula beroperasi atau *go live* pada tahun 2027. Setakat ini, sebanyak 18 sesi pemberigaaan telah dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap *data readiness* dari pihak-pihak berkepentingan sebelum pengintegrasian data ke dalam sistem LMIS.

Manakala itu, bagi mendukung dan memantau pencapaian negara dalam Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (SDG), data daripada kementerian, agensi dan sektor swasta juga dikumpul dan disepadukan melalui *SDG Tracker*, platform bersepadu hasil kerjasama Pejabat Wawasan Brunei dan UNESCAP.

Data ini diselaraskan dengan Wawasan Brunei 2035 dan pelan pembangunan negara melalui sistem *KPI Executive Management System* (KEMaS), bagi memperkukuh penyelarasan antara kementerian, agensi dan sektor swasta, serta memperkukuh proses perancangan dan penggubalan dasar.

---

No. Soalan: PL048 & PL096

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

**YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN**

**TARIKH** : **15.03.2026 [AHAD]**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian berkenaan bagi inisiatif kemasyarakatan serta strategi pembinaan negara dalam Wawasan 2035?

**YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan pelaksanaan perancangan pembangunan daerah sejajar dengan tujuan dan sasaran?

**JAWAPAN:**

Perancangan jangka panjang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dalam melaksanakan inisiatif kemasyarakatan serta strategi pembangunan negara adalah berteraskan kepada Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2023-2027. Pelan strategik ini menggariskan tiga aspirasi utama, di mana inisiatif kemasyarakatan dan pembangunan daerah dipacu di bawah Aspirasi 2 iaitu "*Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah serta Memperkasakan Pembangunan Komuniti.*"

Alhamdulillah, setakat ini lebih daripada 70 peratus inisiatif strategik yang dirancang di bawah Pelan Strategik tersebut telah berjaya dilaksanakan, sekali gus mendukung matlamat dua di bawah Wawasan Brunei 2035 iaitu Kehidupan Rakyat Yang Berkualiti Tinggi. Mekanisme pemantauan terhadap inisiatif-inisiatif strategik ini dilaksanakan melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian serta KPI Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, yang turut menyumbang kepada pencapaian *National Key Performance Indicators* (NKPI) serta tiga blueprint utama di bawah Wawasan Brunei 2035.

Dalam kesempatan ini, dirakamkan penghargaan kepada Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung atas sumbangan bakti, tenaga dan fikiran mereka dalam memperkukuh pembangunan komuniti. Kepimpinan akar umbi ini memainkan

peranan penting dalam menggerakkan pelbagai program dan inisiatif kemasyarakatan di peringkat mukim dan kampung.

Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuk program gotong-royong membersihkan kawasan mukim dan kampung, aktiviti kemasyarakatan yang mengukuhkan hubungan sosial dalam kalangan penduduk, serta pelaksanaan aktiviti perekonomian yang membantu memperkasa masyarakat setempat. Selain itu, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung juga turut menyokong Program Reintegrasi bersama Jabatan Penjara bagi membantu bekas banduan menyesuaikan diri semula dalam masyarakat dengan sokongan komuniti setempat.

Keaktifan inisiatif-inisiatif ini dipantau melalui KPI Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, khususnya indikator berkaitan "jumlah inisiatif yang dilaksanakan di mukim dan kampung." Bagi tempoh April hingga Disember 2024, sebanyak 2,017 inisiatif telah direkodkan merangkumi pelbagai bidang seperti kemasyarakatan, keagamaan, kesukanan dan perekonomian.

Momentum ini terus meningkat pada tahun 2025, dengan 2,624 inisiatif dilaksanakan sepanjang Januari hingga Disember, yang mencerminkan tahap keaktifan kepimpinan akar umbi serta penglibatan masyarakat yang semakin kukuh dalam pembangunan komuniti.

Selain itu, keberkesanan kepimpinan komuniti juga dapat dilihat melalui KPI berkaitan pengurusan aduan penduduk serta aduan penduduk serta tahap keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat. Pada tahun 2024, sebanyak 99.6 peratus aduan penduduk telah berjaya diselesaikan, manakala kadar penduduk mukim dan kampung yang diberi perhatian dan ditangani mencapai 99.2 peratus.

Prestasi ini kekal tinggi pada tahun 2025, dengan kadar penyelesaian aduan sekitar 99 peratus, sekali gus mencerminkan sistem penyampaian perkhidmatan yang responsif sif dalam memastikan kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara.

Dalam aspek pembangunan sosioekonomi komuniti, kementerian turut memperkasa inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P) bagi meningkatkan potensi ekonomi masyarakat kampung. Sehingga kini, tiga daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong telah mewujudkan Kedai Kampung yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai platform pemasaran produk tempatan.

Perkembangan ini turut dipantau melalui KPI Penghulu Mukim dan Ketua Kampung berkaitan "jumlah produk 1K1P yang sedia ada atau baharu untuk dikembangkan bagi menjana perekonomian mukim dan kampung." Statistik menunjukkan sebanyak 208 produk direkodkan pada tahun 2024 dan 204 produk pada tahun 2025.

Dari segi pelaksanaan perancangan pembangunan daerah pula, kemajuan ini turut ini dipantau melalui KPI kementerian berkaitan "tanah atau lokasi di kawasan bandaran dan daerah yang dikenal pasti berpotensi dan telah dikembangmajukan." Alhamdulillah, indikator ini menunjukkan peningkatan daripada 21 peratus pada tahun 2022 kepada 45 peratus pada tahun 2025. Antara tanah dan lokasi yang telah dikembangmajukan termasuk Gerai Kampung Tagap, Mukim Sengkurong dan Tamu Jati Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat.

Secara keseluruhannya, peranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam pembangunan negara bukan sahaja tertumpu kepada penyampaian perkhidmatan pentadbiran di peringkat daerah dan komuniti, bahkan turut merangkumi usaha memperkukuh ketahanan sosial (*social resilience*), perpaduan masyarakat serta kesejahteraan komuniti sebagai asas penting kepada da pembinaan negara.

Melalui kepimpinan Penghulu Mukim, Ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta kerjasama erat antara agensi kerajaan dan masyarakat, pendekatan pembangunan komuniti yang dilaksanakan adalah berteraskan konsep *Whole-of-Nation Approach*, di mana masyarakat sendiri memainkan peranan aktif sebagai rakan strategik kepada kerajaan dalam memajukan mukim dan kampung masing-masing.

Pendekatan ini juga memberi penekanan kepada pengukuhan modal sosial (*social capital*) dalam masyarakat melalui penglibatan komuniti, pengukuhan jaringan sosial serta pembangunan aktiviti ekonomi setempat seperti melalui inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang mampu meningkatkan kesejahteraan dan daya tahan komuniti.

Dalam masa yang sama, mekanisme pemantauan melalui NKPI, KPI kementerian serta KPI kepimpinan akar umbi memastikan setiap inisiatif pembangunan daerah dan kemasyarakatan dilaksanakan secara terselaras, berimpak tinggi serta memberi manfaat secara langsung kepada rakyat dan penduduk.

No. Soalan: PL067

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**

**TARIKH** : **15.03.2026 [AHAD]**

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauhmana usaha dan kawalan Kementerian dalam membendung jumlah pemilik-pemilik kedai-kedai runcit, *hardware stores*, pemborong dikalangan warga asing yang semakin meningkat?

**JAWAPAN:**

Berdasarkan data Banci Majikan dan Pekerja tahun 2024 yang dilaksanakan oleh Jabatan Buruh, majoriti pemilikan syarikat dalam sektor perdagangan runcit masih berada dalam kalangan warganegara Brunei Darussalam.

Setakat 1hb., April 2024, terdapat sebanyak 1,343 syarikat perdagangan runcit yang dimiliki oleh warganegara Brunei Darussalam, manakala hanya sebilangan kecil sahaja yang didaftarkan bersama rakan kongsi daripada kalangan warganegara asing. Seterusnya, setakat 1hb., April 2025, jumlah syarikat yang didaftarkan dalam sektor perdagangan runcit adalah sebanyak 1,357 syarikat.

Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas, sektor Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal merangkumi aktiviti penjualan barangan tanpa melalui proses pengeluaran atau perubahan bentuk barangan tersebut, di samping perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor serta motosikal.

Secara umum, sektor ini dibahagikan kepada tiga kegiatan utama iaitu:

- perdagangan borong;
- perdagangan runcit; dan
- jualan serta pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal.

Sebagai contoh, aktiviti jualan runcit perkakasan (*hardware*), cat dan kaca di kedai khusus adalah diklasifikasikan di bawah kegiatan perdagangan runcit dalam sektor ini.

Berdasarkan statistik Banci Majikan dan Pekerja bagi tempoh 2022 hingga 2024, jumlah keseluruhan pekerja dalam sektor ini meningkat daripada 25,332 orang pada tahun 2022 kepada 29,119 orang pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus.

Dari segi komposisi tenaga kerja, jumlah pekerja tempatan meningkat daripada 11,941 orang kepada 12,917 orang, manakala pekerja asing meningkat daripada 13,391 orang kepada 16,202 orang dalam tempoh yang sama.

Jika dilihat mengikut pecahan kegiatan:

- perdagangan runcit merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah tenaga kerja dengan peningkatan daripada 13,373 orang pada tahun 2022 kepada 15,402 orang pada tahun 2024;
- diikuti oleh perdagangan borong yang meningkat daripada 7,005 kepada 7,789 orang; dan
- pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal yang meningkat daripada 4,954 kepada 5,928 orang.

Dari segi jenis pekerjaan pula, majoriti pekerja tempatan dalam sektor ini tertumpu kepada jawatan seperti Pengurus, Jurujual, Juruwang dan Pembantu Kedai.

Sebaliknya, pekerja asing lebih tertumpu kepada jawatan seperti Buruh, Mekanik, Pembantu Kedai serta Pemandu Lori.

Bagi aktiviti khusus seperti jualan runcit perkakasan (*hardware*), cat dan kaca di kedai khusus, jumlah pekerja turut menunjukkan peningkatan kecil daripada 843 orang pada tahun 2022 kepada 874 orang pada tahun 2024 (tambahan 31 orang)

Dari segi kawalan pengambilan pekerja asing di negara ini, Jabatan Buruh telah mempersyaratkan bahawa setiap syarikat yang ingin mengambil pekerja asing hendaklah terlebih dahulu mendapatkan surat pengesahan (*clearance letter*) daripada Pusat Pekerjaan Brunei sebelum permohonan Lesen Pekerja Asing mereka dipertimbangkan.

Langkah ini bertujuan memastikan peluang pekerjaan diberikan keutamaan kepada pencari kerja tempatan sebelum pengambilan pekerja asing dibenarkan.

Selain itu, kementerian juga melaksanakan pemantauan secara berterusan melalui pengumpulan dan analisis data sektor ekonomi, termasuk Banci Majikan dan Pekerja, bagi menilai trend pemilikan perniagaan serta komposisi tenaga kerja tempatan dan asing dalam sektor-sektor tertentu.

---

Secara keseluruhannya, peningkatan jumlah pekerja asing dalam sektor perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal adalah selaras dengan perkembangan aktiviti perniagaan yang seterusnya meningkatkan permintaan terhadap tenaga kerja, khususnya bagi jawatan sokongan dan pekerjaan asas yang diperlukan bagi menyokong kelancaran operasi perniagaan.

Walau bagaimanapun, data menunjukkan bahawa pemilikan perniagaan dalam sektor ini masih majoritinya dimiliki oleh warganegara Brunei Darussalam, manakala pekerja asing lebih tertumpu kepada jawatan operasi dan pekerjaan asas bagi menyokong aktiviti perniagaan tersebut.

Secara keseluruhannya, kerajaan akan terus memastikan pembangunan sektor perdagangan runcit dilaksanakan secara teratur, terkawal dan mematuhi peraturan, di samping memastikan peluang keusahawanan terus memberi manfaat kepada rakyat dan penduduk tempatan. Pendekatan ini adalah selaras dengan Matlamat tiga di bawah aspirasi Wawasan Brunei 2035 iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.